

KEWAJIPAN PATUH KEPADA PEMERINTAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا.

مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يُضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ؛ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Patuh dan taat kepada pemerintah merupakan salah satu sifat yang perlu ada pada orang yang beriman. Taat kepada pemerintah menjadi wajib kerana pemerintah adalah ketua yang bertanggungjawab memastikan berlangsungnya

kehidupan beragama, menjamin sistem hidup yang adil, aman dan bahagia dalam sesebuah negara. Sesungguhnya orang yang beriman wajib taat kepada pemerintah atau pemimpin sebagaimana disebut dalam surah al-Nisa' ayat 59:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul dan para pemimpin di kalangan kamu.”

Kepatuhan kepada Allah Subhanahu wa Taala dan Rasul-Nya ialah kesediaan untuk mentaati segala perintah Allah Subhanahu wa Taala dan dalam masa yang sama kesediaan menjauhi seluruh larangan Allah Subhanahu wa Taala dan juga larangan Rasul-Nya. Sesungguhnya apabila kepatuhan kepada perintah Allah Subhanahu wa Taala dan juga Rasul-Nya tertanam dalam jiwa setiap individu muslim, maka mudahlah pula untuk melaksanakan segala arahan pemerintah.

Taat kepada pemerintah adalah tanda seseorang itu sayang kepada negara serta memiliki akhlak yang mulia. Seseorang yang berakhlak mulia dan sayang kepada negara, sudah tentu menjadi warga yang baik. Kebiasaannya mereka ini menjauhi

perkara-perkara mungkar, hidup berkasih-sayang serta hormat-menghormati sesama manusia. Apabila seorang itu taat kepada pemerintah dan negara maka sudah tentulah dia memiliki peribadi yang mulia patuh kepada undang-undang, berdisiplin, jujur dan ikhlas, serta sanggup berkorban memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara. Orang yang taat kepada pemerintah dan negaranya, bererti dia warganegara yang baik dan mampu menyumbang kepada keharmonian dan keselamatan negara.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah subhanahu wa taala

Ingatlah ketaatan kepada pemerintah maksudnya mempertahankan kedaulatan Institusi Kesultanan Raja-Raja kerana raja adalah merupakan pemerintah dan ketua agama bagi setiap negeri. Di bawah institusi diraja inilah wujudnya Majlis agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang bagi negeri ini dan begitulah bagi setiap negeri lain. Majlis agama Islam inilah yang bertanggungjawab mentadbirkan hal ehwal agama Islam bagi setiap negeri. Ketahuilah bahawa Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak (Jawatankuasa Fatwa) yang dipengerusikan oleh Mufti merupakan pihak yang sentiasa menasihati Kebawah Duli Tuanku Sultan dalam hal ehwal agama serta hukum hakam Islam di negeri ini. Maka dengan itu umat Islam di negeri ini hendaklah merujuk kepada

keputusan yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa ini supaya tidak berlakunya pertelingkahan umat Islam di negeri ini. Majlis agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang sentiasa mempertahankan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah akidahnya aliran Al Asyairah Wa Maturidiyyah iaitu mengenal ilmu tauhid sifat dua puluh dan syariatnya mengikut qaul muktamad mazhab al-Syafie.

Taatlah kepada Tuanku Sultan sebagai ketua agama kerana ia adalah tuntutan agama, begitu juga disebut dalam rukun negara selagi tidak bercanggah dengan syarak. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari:

السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَةٍ فَإِذَا أُمِرَ
بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

Yang bermaksud: *Mendengar dan taat itu adalah wajib ke atas orang Islam dalam perkara yang ia suka atau benci selagi ia tidak diperintahkan dalam perkara maksiat. Maka apabila diperintahkan dengan perkara maksiat, maka tidak perlu lagi dengar dan taat.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah subhanahu wa taala

Bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al Mustain Billah maka kita sebagai rakyat negeri Pahang mengucapkan dirgahayu kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, semoga dikurniakan taufik, hidayah, riayah dan inayah, bertambah iman dan takwa serta sentiasa dalam sihat sejahtera. Orang Melayu Islam di negeri ini hendaklah mempertahankan sistem beraja kerana sistem ini mengekalkan adat resam melayu yang mengajak kepada perpaduan, kesopanan dan kesusilaan orang Melayu.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ

تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِإِذْنِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٦﴾

Yang bermaksud: *Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina*

sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفْوُ الرَّحِيمُ.